

BEBANAN KERJA, KOS SARA HIDUP

■ **Ramai rakyat Malaysia terutama pekerja dijangka mengalami masalah kesihatan mental**

Suraya Roslan
 suraya@hmetro.com.my

Lebih ramai rakyat Malaysia terutama pekerja dijangka mengalami masalah kesihatan mental akibat bebanan kerja dan tekanan kos sara hidup yang meningkat.

Berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2015 menunjukkan seramai 4.2 juta rakyat Malaysia berusia 16 tahun ke atas atau 29.2 peratus populasi negara menghadapi pelbagai masalah mental.

Jumlah itu membimbangkan kerana ia menunjukkan peningkatan 11.2 peratus berbanding 2006.

Selain itu, kajian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga menunjukkan tekanan perasaan bakal menggantikan penyakit kardiovaskular sebagai faktor penentu utama sama ada seseorang itu masih mampu untuk terus bekerja atau tidak.

Isu ini dilihat makin membimbangkan dan majikan disaran supaya

melihat isu kesihatan mental di tempat kerja secara serius kerana pengabaian faktor psikososial bukan saja merugikan pekerja malah memberi kesan secara langsung kepada produktiviti, kecekapan dan pengeluaran.


Suara Maya minggu ini bertajuk: 'Apakah cara terbaik bagi mengatasi kesihatan mental di tempat kerja?' cuba melihat pandangan netizen

berhubung isu ini.

Berdasarkan tinjauan umum itu menerusi laman sosial mendapati 52.4 peratus netizen bersetuju perlu pengurangan kos sara hidup, 23.8 peratus pula mahu pengurangan bebanan kerja.

Selain itu, 19 peratus pula mahu kaunselor ditempatkan di setiap syarikat manakala 4.8 peratus mahu ujian saringan mental dibuat sebelum diambil bekerja.

TAJUK: Apakah cara terbaik bagi mengatasi kesihatan mental di tempat kerja selepas 4.2 juta rakyat Malaysia hidap pelbagai masalah mental?



metro Anad

ms 29

16/4/17